

bah

Mahathir-PTD (EMBARGO: Utk Siaran Selepas 10.30 Malam Ini)

MAHATHIR: PENTADBIR PERLU FAHAM KESTABILAN POLITIK

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata pentadbir dan pengurus kerajaan perlu memahami tentang kestabilan politik, konsep Persyarikatan Malaysia dan organisasi berdisiplin bagi menentukan kemajuan negara.

Perdana Menteri berkata anggota perkhidmatan tadbir dan diplomatik memainkan peranan yang kritikal untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

"Negara yang politiknya tidak stabil, tidak dapat mencapai kemajuan walaupun faktor-faktor lain amat sesuai," katanya ketika berucap di majlis makan malam Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik di sini.

Dr Mahathir berkata sesebuah negara mungkin kaya dengan sumber alam, kecerdikan rakyat dan kecekapan pekerja tetapi semua aset ini akan menjadi sia-sia sahaja jika keadaan politik tidak stabil.

Dengan itu, katanya, pentadbir dan pengurus kerajaan serta swasta perlu faham pentingnya kestabilan politik dalam usaha memajukan negara. -- Lagi

▼23/07/19-41MST

CNS0030

U:GB 23-07 00125 BH649

bah

Mahathir-PTD 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata walaupun secara langsung pengurus dan pentadbir tidak terlibat dengan politik, kesan daripada usaha dan urusan mereka dapat menentukan politik yang stabil.

Katanya, secara umum negara yang ditadbirkan dengan baik dan berjaya daripada segi ekonomi lebih mudah stabil.

"Pengurus dan pentadbir hendaklah faham mengenai kaitan yang rapat di antara kedua-dua perkara ini dan berusaha melahirkan pentadbiran yang baik yang boleh membantu pembangunan ekonomi dan kestabilan ekonomi," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kerjasama di antara kerajaan, pentadbiran dan pihak swasta wajar kerana ia boleh menolong mewujudkan iklim perdagangan yang sihat.

Katanya konsep Persyarikatan Malaysia atau kerjasama awam dan swasta telah sedikit sebanyak menyumbang kepada kemajuan negara. -- Lagi

▼23/07/19-41MST

CNS0031

U:GB 23-07 00091 BH650

bah

Mahathir-PTD 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Memang benar konsep Persyarikatan Malaysia sahaja dengan sendirinya tidak mungkin membawa kejayaan. Tetapi faktor ini tetap berperanan penting," kata beliau.

Dr Mahathir berkata organisasi yang berdisiplin juga memainkan peranan penting dalam usaha mengerakkan negara ke arah Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

"Usaha untuk meningkatkan struktur organisasi dan menyusun pengurusannya tidak mempunyai had. Negara yang ingin berjaya perlu menyemak struktur dan urusan organisasi pentadbirannya sepanjang masa," kata beliau.

-- Bernama

MGM MAT

▼23/07/19-42MST